

KONFLIK HUKUM ZAKAT PENDAPATAN: SATU PENILAIAN

***Muhammad Ikhlas Rosele¹, Luqman Abdullah², Mohd Farhan Md. Ariffin³
& Mohamad Zaim Ismail⁴**

*^{1,2} Pensyarah Kanan (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya*

^{3,4} Calon Ph.D, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

ABSTRAK

Hukum zakat pendapatan dan penggajian tidak disepakati oleh intelektual semasa. Atas dasar itulah sentiasa wujud konflik dalam membahaskan hukumnya. Di Malaysia perbezaan dalam menentukan hukum zakat pendapatan juga wujud contohnya antara fatwa negeri Perak dan fatwa negeri Selangor. Oleh itu, kajian ini cuba meninjau konflik perbahasan hukum zakat pendapatan umumnya. Selanjutnya kajian akan melakukan penilaian terhadap konflik dan pandangan-pandangan berkaitan zakat pendapatan. Ia bertujuan menyelesaikan konflik yang berlaku.

Kata kunci: Zakat pendapatan, konflik, fatwa, Malaysia

* Pengarang penghubung. Muhammad Ikhlas Rosele (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. emel: ikhlas@um.edu.my

Pendahuluan

Zakat merupakan satu rukun daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh umat Islam. Selain sifatnya sebagai ibadah, zakat juga mempunyai kedudukan tersendiri dalam muamalah. Ia beerti zakat mempunyai peranan tersendiri dalam memajukan ekonomi umat Islam serta menstabilkan sosio-ekonomi sesebuah masyarakat (Muhsin & Suhaili, 2016). Oleh kerana zakat meliputi bidang ibadah dan muamalah sudah tentu perbincangan mengenainya begitu luas.

Perbincangan zakat masih mempunyai banyak isu yang menjadi polemik dan persoalan. Isu-isu tersebut antaranya dalam aspek jenis harta zakat, perluasan sumber zakat, kaedah pentaksiran zakat, syarat zakat dan perluasan konsep asnaf zakat. Antara isu yang masih menjadi perbincangan para intelektual adalah mengenai zakat pendapatan dan penggajian. Isu ini walaupun asas hukumnya dipersetujui sebilangan besar intelektual Islam namun perbezaan dan polemik wujud dalam membahaskan perlaksanaannya. Lanjutan daripada itu artikel ini dibangunkan.

Kajian di dalam artikel ini akan dilakukan untuk melihat konflik yang berlaku di dalam membahaskan zakat pendapatan dikalangan intelektual. Kajian akan mengkhususkan kepada kes konflik zakat pendapatan yang berlaku dalam fatwa di Malaysia. Selanjutnya, isu dan perbincangan zakat pendapatan tersebut akan dinilai semula berasaskan pendekatan yang bersesuaian dalam ilmu fiqh.

Perbincangan Hukum Zakat Pendapatan

Zakat pendapatan dalam perbincangan fiqh berasal dari perbincangan zakat *Mal al-Mustafad*. *Mal al-Mustafad* adalah sesuatu yang diperolehi oleh seseorang dan memilikinya dengan pemilikan yang baharu ketika dalam haul melalui jalan yang diakui syara' (al-'Aydarus, 2014). Zakat *mal al-mustafad* dapat diklasifikasikan sebagaimana berikut (al-Qaradawi, 1994; Husein Sahata, 2003):

- 1- Hasil daripada usaha perdagangan atau ternakan secara individu atau bersyarikat. Keuntungan jualan atau pembiakkan ternakan atau pembelian dikira sebagai *mal al-mustafad*. Pendapatan itu dicampurkan dengan modal induk dan dikira bersama jumlah pendapatan. Pendapatan harta-harta tersebut termasuk harta yang boleh diwajibkan zakat.
- 2- Pendapatan melalui ganjaran atau upah daripada sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan yang telah disempurnakan oleh ahli professional tetapi tidak termasuk dalam kategori perniagaan seperti upah perubatan, akauntan, jurubina, perunding cara, royalti dan lain-lain lagi. Pendapatan mereka itu tidak termasuk dalam struktur zakat yang sedia ada (perniagaan).
- 3- Pendapatan berasaskan kerja bermajikan semata-mata. Ia akan menerima bayaran upah atau suguhati atau yang seumpamanya daripada majikan. Pendapatan tersebut belum termasuk ke dalam struktur zakat yang wujud (perniagaan).
- 4- Pendapatan berasaskan sesuatu keadaan seperti kematian, perkahwinan, tamat tempoh perkhidmatan, pendapatan ini berupa hadiah, pusaka, subsidi atau yang dinamakan pendapatan pindahan dan lain-lain lagi. Dalam persoalan ini tidak terdapat nas yang jelas dalam struktur kewajipan zakatnya.

Kewajipan zakat *mal al-mustafad* adalah berdasarkan dalil-dalil yang umum daripada al-Quran dan al-Sunnah. Antara dalil yang menjadi kewajipan zakat *mal al-mustafad* ialah firman Allah SWT:

Yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil yang baik yang telah kamu usahakan dan sebahagian dari apa yang Kami telah keluarkan dari bumi untuk kamu.

(Surah Al-Baqarah 2 : 267)

Penjelasan hukum zakat *Mal al-Mustafad* dalam ayat ini adalah menjurus kepada penafsiran “*ma kasabtum*”. ‘Abdullah ibn ‘Abbas, ‘Ali bin Abi Talib dan al-Tabari menafsirkan perkataan tersebut sebagai orang yang mengusahakan sesuatu dengan bersusah payah atau senang untuk mengumpulkan emas dan perak (al-Tabari, t.t.). Bahkan al-Zamakhshari mewajibkan zakat kepada semua pendapatan yang diperolehi hasil usaha yang dilakukan oleh orang Islam (al-Zamakhshari, 1998).

Sabda Rasulullah s.a.w:

Yang bermaksud: Wajib ke atas setiap orang Islam menunaikan zakat., Mereka bertanya: Wahai Nabi Allah, sekiranya kami tidak mempunyai harta, bagaimana?. Jawab Baginda s.a.w: Berusahalah dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri, kemudian bayarlah zakat. Mereka bertanya lagi: Sekiranya usaha itu tidak berhasil?. Baginda menjawab: Berusahalah dalam perkara kebaikan dan mencegah daripada keburukan. Sesungguhnya pekerjaan itu bagi kamu adalah sedekah (zakat).

(Hadis riwayat al-Bukhari dan al-Nasa’i)

Perkataan “*Ala kulli muslim sadaqah*” membawa maksud bahawa zakat pendapatan hukumnya adalah wajib (al-‘Ayni, 2010). Pada luarannya hadis tersebut memberi makna yang luas, kerana zakat yang ditumpukan tidak hanya tertumpu kepada keuntungan harta modal semata-mata atau kepada zakat wajib yang ditetapkan di dalam kitab fiqh (Mujaini Tarimin, 2012), bahkan ia merangkumi seluruh usaha dan pekerjaan, pendapatan perkhidmatan yang dilakukan (al-‘Ayni, t.t.).

Konflik hukum zakat *mal al-mustafad* berlaku dalam beberapa tempat. Antara yang utamanya adalah adakah kewajipan zakat *mal al-mustafad* terikat dengan haul. Menurut mazhab yang empat *mal al-mustafad* tidak dikenakan zakat kecuali cukup nisab dan melalui haul setahun (Ibn Hazm, t.t.; al-Zuhayli, 1989; Ahmad, 1981; al-Tusi, 1415H). Manakala Ibn ‘Abbas, Ibn Mas’ud, Mu’awiyah, ‘Umar bin ‘Abdul ‘Aziz, al-Hasan, al-Zuhri dan Imam Ahmad menurut sesetengah riwayat (Ibn Hazm, t.t.) tidak mensyaratkan haul (Abu ‘Ubayd, 1989) bagi zakat *mal al-mustafad*. Al-Qaradawi telah mentarjihkan pendapat yang menyatakan zakat *mal al-mustafad* hendaklah dibayar sejurus diterima (al-Qaradawi, 1994). Walau bagaimanapun, tidak semua intelektual semasa yang bersetuju dengan pendapat al-Qaradawi ini (Mahmood Zuhdi, 2003; Syahatah, 1988). Antara contohnya pendapat Ibn Bazz (t.t.):

Jika hasil gaji sudah mencapai satu tahun, telah cukup pula nisabnya, maka wajib bagi anda (penanya soalan) untuk mengeluarkan zakat hasil tersebut. Jika belum maka tidak wajib dizakati.

Mal al-mustafad yang diperolehi pada pertengahan dalam perniagaan boleh dirangkumkan dengan haul harta asalnya menurut kebanyakan ulama di dalam 4 mazhab (Ibn al-‘Arabi, t.t.). Ia boleh dirangkumkan walaupun harta asalnya itu tidak mencukupi nisab (al-Jaziri, 2003), namun golongan Hanabilah meletakkan syarat hendaklah harta asalnya mencukupi nisab (al-Baghawi, 1983; al-Musili, 2005). Sekiranya harta asal bukan daripada harta perniagaan, golongan Hanafiyyah berpendapat boleh dirangkumkan *mal al-mustafad* dengan haul harta tersebut, berbeza dengan golongan Malikiyyah yang berpendapat sebaliknya iaitu haul harta tersebut akan dimulakan dengan haul yang baru (dianggap terpisah dengan haul asalnya). Golongan Syafi’iyyah dan Hanabilah juga berpendapat seumpama golongan Malikiyyah dengan meletakkan pengecualian bagi buah yang tumbuh pada pokok yang ingin diniagakan dan binatang yang lahir daripada induk yang ingin diniagakan (al-Jaziri, 2003; al-Sayyid Sabiq, t.t.).

Berkenaan nisab dan kadar zakat *mal-al mustafad*, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama semasa. Menurut Muhammad al-Ghazali, nisab zakat *mal al-mustafad* adalah berasaskan

nisab zakat pertanian, begitu juga kadar zakatnya adalah 10% seperti zakat pertanian (al-Ghazali, 2005). Ini adalah kerana haul dalam zakat *mal al-mustafad* diqiyaskan kepada zakat pertanian. Manakala al-Qaradawi berpendapat bahawa nisab zakat dikenakan berasaskan zakat emas dan perak iaitu 85 gram emas. Manakala kadar zakat yang perlu dikeluarkan adalah 2.5% juga berasaskan zakat emas dan perak (Dawud, 2004).

Tinjauan Perbezaan Fatwa Zakat Pendapatan di Malaysia

Konflik hukum dan perbahasan zakat pendapatan yang telah diketengahkan hakikatnya telah memberi kesan kepada fatwa yang diputuskan di Malaysia. Wujud perbezaan fatwa yang telah diputuskan mengenai zakat gaji dan pendapatan. Perbezaan ini telah menimbulkan konflik fatwa yang boleh mengelirukan masyarakat.

Kerajaan Negeri Selangor telah mewartakan fatwa mengenai kewajipan zakat gaji atau pendapatan pada 9 Mei 2001 dan membayarnya kepada Pusat Zakat Selangor (Warta Kerajaan Negeri Selangor). Kaedah pembayaran zakat pendapatan tersebut adalah melalui Skim Potongan Gaji (SPG) oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kaedah ini dilaksanakan dengan melakukan taksiran gaji, iaitu jumlah zakat pendapatan setahun (2.5% X jumlah pendapatan setahun) dibahagikan dengan 12 bulan (Lembaga Zakat Selangor, 2006). Terdapat beberapa kaedah taksiran zakat pendapatan iaitu kaedah tanpa penolakan keperluan asas di mana [2.5% X pendapatan kasar setahun] dibahagikan dengan 12 bulan, atau kaedah dengan melakukan tolakan asas di mana 2.5% daripada pendapatan kasar setahun yang telah ditolak beberapa perbelanjaan yang dibenarkan (diri sendiri, isteri, anak-anak, KWSP) dan dibahagikan dengan 12 bulan. Manakala kaedah seterusnya adalah melakukan tolakan terhadap perbelanjaan sebenar yang meliputi keperluan asas (makanan, pakaian, perubatan, pengangkutan, pendidikan dan tempat tinggal), dan 2.5% daripada baki (sekiranya mencukupi nisab) akan dibahagikan dengan 12 bulan (Suryani Masnan, 2012).

Fatwa yang diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Selangor ini dilihat berbeza dengan apa yang diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Syariah Negeri Perak. Keputusan fatwa berkenaan zakat gaji atau pendapatan di Negeri Perak adalah seperti berikut (e-fatwa.gov):

“Bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumah Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat.”

Persamaan fatwa antara dua negeri ini adalah menyatakan bahawa hasil pendapatan ataupun gaji adalah diwajibkan zakat. Namun, perbezaan yang berlaku adalah dari sudut penetapan haul dan nisab, Jawatankuasa Syariah Negeri Perak menegaskan bahawa zakat pendapatan diwajibkan hanya apabila cukup haul dan nisab (Muhammad Uzair Gamal & Luqman, 2015). Manakala Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor menfatwakan kewajipan zakat tanpa meletakkan syarat cukup haul dan nisab, lebih-lebih lagi Lembaga Zakat Selangor melaksanakan kutipan zakat sebelum cukup haul dan sebelum mencukupi nisab.

Penilaian Konflik Hukum Zakat Pendapatan

Bagi melakukan penilaian terhadap konflik hukum zakat pendapatan, kajian telah menggariskan beberapa pendekatan dan metodologi yang perlu dititik beratkan. Pendekatan atau metodologi tersebut adalah sebagai mana berikut (al-Qaradawi, 1994; al-Qaradawi, 2009):

- 1- Memahami sesuatu isu berpandukan al-Quran dan hadis secara tekstualis dan kontekstualis, mengenalpasti kefahaman sebenar nas melalui *asbab al-nuzul* atau *asbab al-wurud*.

- 2- Menggunakan metodologi penetapan hukum yang muktabar seperti; al-Quran, hadis, ijma' qiyas dan selainnya.
- 3- Meraikan prinsip-prinsip syariah seperti; memudahkan, mengelak kesukaran dan adil.
- 4- Meraikan *maqasid al-syari'ah*.
- 5- Mengaplikasikan kaedah fiqh dengan cara yang benar.
- 6- Menyesuaikan sesuatu hukum yang bersifat *ijtihadiyyah* dengan zaman sekarang.

Konflik utama dalam zakat *mal al-mustafad* adalah dari sudut penentuan haul. Pada asasnya setiap zakat akan diwajibkan setelah nisabnya melalui haul setahun kecuali bagi zakat pertanian, galian, harta karun, zakat fitrah, lebihan keuntungan perniagaan dan anak kambing yang kematian emaknya atau mencukupi nisabnya (al-Suyuti, 1997). Apabila merujuk dalam realiti Malaysia zakat *mal al-mustafad* lazimnya digunakan dalam mewajibkan zakat gaji dan pendapatan. Namun, terdapat dua bentuk fatwa yang bercanggahan iaitu zakat pendapatan wajib setelah melalui haul dan wajib dikeluarkan sebelum tiba haul.

Mewajibkan zakat sebelum tiba haul ini dapat dikenalpasti dalam amalan LZS berasaskan fatwa negeri Selangor. LZS telah mengamalkan satu skim bagi zakat pendapatan yang disebut sebagai SPG (Skim Potongan Gaji). Persoalannya adakah zakat *mal al-mustafad* tidak disyaratkan haul atau boleh diambil sebelum tibanya haul. Asasnya zakat *mal al-mustafad* adalah diwajibkan setelah melalui haul, ia sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

Yang bermaksud: Sesiapa yang mendapat perolehan harta, tidak dikenakan zakat atas harta perolehannya sehingga sempurna haulnya di sisi Tuhannya.

(Hadis riwayat al-Tirmidhi)

Berasaskan metod penilaian yang telah digariskan hadis ini jelas menyatakan harta perolehan tidak diwajibkan kecuali setelah melalui haul setahun. Hadis ini juga disokong dengan satu hadis lain iaitu, sabda Rasulullah s.a.w:

Yang bermaksud: Tidak (wajib) zakat pada sesuatu harta sampai harta itu melalui haul setahun

(Hadis riwayat Ibn Majah)

Dari sudut masalah juga membuktikan bahawa haul adalah menjamin kemaslahatan pembayar zakat. Jika mewajibkan harta tidak mencukupi haul dan masih belum tiba haul nesacaya ia mendatangkan kesusahan dan dilihat memberi beban kepada pembayar zakat. Ia berkemungkinan harta tersebut perlu digunakan oleh pembayar zakat bagi memenuhi keperluan asas, kesihatan, makanan dan kehidupannya. Perlu diketahui bahawa zakat bukan sahaja meraikan kemaslahatan penerima zakat bahkan pembayar zakat juga.

Gaji tidak seumpama dengan harta perolehan yang lain seperti harta perolehan perniagaan atau sewa. Gaji tidak mempunyai harta asal yang boleh dinilai haul padanya sebagaimana harta perniagaan. Oleh itu harta perolehan (*mal al-mustafad*) bagi harta perniagaan boleh mengikut haul harta perniagaan. Gaji juga merupakan sumber perolehan bagi umat Islam untuk menampung kehidupan dan keluarga ia berbeza dengan sebarang perolehan yang berbentuk keuntungan. Oleh itu sewajarnya mewajibkan zakat pada gaji perlu terikat dengan haul agar tidak membebankan pembayar zakat. Selain itu hujah aplikasi qiyas zakat gaji dengan pendapatan adalah tidak tepat. Ini berikutan tidak wujud satu *'illah* yang jelas dan menepati kedua-dua zakat tersebut.

Berbalik kepada amalan SPG sebagaimana yang diamalkan oleh sebahagian negeri di Malaysia khususnya Selangor (LZS). SPG yang diamalkan LZS ini dilihat cuba menerapkan konsep *tajil* zakat (membayar zakat sebelum cukup haul). Walau bagaimanapun setelah dilakukan analisis,

ianya tidak menepati syarat-syarat *ta'jil* zakat (Suryani Masnan, 2012). Syarat utama *ta'jil al-zakah* adalah harta tersebut hendaklah telah mencukupi nisab (al-Nawawi, 2003). Namun SPG telah memotong gaji sebagai zakat sedangkan gaji tersebut belum mencukupi nisab lagi. Oleh itu zakat gaji diwajibkan apabila mencukupi nisab dan haul. Hal ini menepati prinsip syariat Islam iaitu tidak terlalu cuai sehingga mengecualikan sebarang perolehan daripada zakat dan tidak terlalu berlebihan sehingga mewajibkan zakat pada harta yang belum cukup nisab.

Antara persoalan lain yang wajar diketengahkan adalah persoalan nisab. Apakah nisab yang sesuai bagi zakat gaji. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa zakat gaji adalah mengikut nisab zakat pertanian. Namun hal ini tidak boleh diterima kerana asas zakat gaji (berbentuk wang) dan pertanian (tanaman dan buah) adalah berbeza. Syarak mempunyai objektif yang khusus dalam menentukan nisab bagi zakat pertanian iaitu penilaian terhadap sumber kehidupan manusia (yakni makanan), sedangkan harta *mal al-mustafad* adalah kebiasaannya berbentuk wang, oleh itu penentuan kadar nisab mengikut zakat mata wang adalah lebih relevan (Dawud, 2004).

Kesimpulan

Setelah melakukan analisis terhadap konflik zakat pendapatan, hasil kajian ini jelas menyatakan bahawa zakat pendapatan dan penggajian adalah wajib. Walaupun begitu zakat pendapatan dan penggajian masih tertakluk kepada syarat-syarat zakat. Syarat-syarat utama zakat pendapatan adalah milikan penuh, cukup haul dan nisab. Bagi keadaan menyegerakan pembayaran zakat sebelum tiba haul adalah diharuskan. Namun harta tersebut hendaklah mencukupi nisab terlebih dahulu. Perlu difahami bahawa perbahasan mengenai zakat perlu dilihat dengan lebih holistic bukan sekadar masalah penerima zakat sahaja, bahkan pembayar zakat, pengurus zakat, kerajaan dan sebagainya (Mohamad Sabri & Riki, 2016). Oleh itu disarankan pada pusat zakat supaya melakukan kajian semula terhadap amalan sistem potongan gaji yang dilaksanakan bagi mengutip zakat pendapatan.

RUJUKAN

- Abu 'Ubayd (1989). *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Ibn Hanbal (1981). *Masa'il al-Imam Ahmad: Riwayat Ibnuhu 'Abdullah bin Ahmad*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-'Aydarus, Zayn Muhammad Hussayn (2014). *al-Khulasah fi Fiqh al-Mu'amalat wa yalihu al-Khulasah fi Fiqh al-Zakah; Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Tarim: Maktabah Tarim al-Hadithah.
- al-'Ayni, Badr al-Din (t.t.). *Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-'Ayni, Mahmud bin Ahmad (2010). *Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- al-Baghawi, Hussayn bin Mas'ud (1983). *Syarh al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Ghazali, Muhammad (2005). *al-Islam wa al-Awda' al-Iqtisadiyyah*. Kaherah: Nahdah al-Misr.
- al-Jaziri, 'Abdul Rahman (2003). *al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Musili, Ibn Mawdud (2005). *al-Mukhtar li al-Fatwa*. Mesir: Kutub 'Arabiyyah.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (2003). *Rawdah al-Talibin*. Riyad: Dar 'Alim al-Kutub.
- al-Qaradawi, Yusuf (1994). *Fiqh al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf (2009). *Min Hadyi al-Islam : Fatawa Mu'asirah*. Kuwait : Dar al-Qalam.
- al-Sayyid Sabiq (t.t.). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: al-Fath li al-'Alam al-'Arabi.
- al-Suyuti, Jalal al-Din (1997). *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'i*. Mekah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- al-Tabari (t.t.). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayy al-Quran*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.

- al-Tusi, al-Hasan bin 'Ali (1415H). *Mukhtasar al-Ahkam*. Madinah: Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyyah.
- al-Zamakhsyari, Mahmud bin 'Umar (1998). *al-Kasysyaf 'an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Riyad: Maktabah al-'Ubaykan.
- al-Zuhayli, Wahbah (1989). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Bin Bazz, Abdul Aziz bin Abdullah (t.t.). *Fatawa Syaikh bin Bazz*, terjemah Abu Umar Abdillah. Solo: Pustaka at-Tibyan.
- Husein Sahata (2003). *Kaedah Agihan Zakat Harta; Pengertian, Sistem dan Agihannya*, Hamid Fahmy Zarkasyi dan Harun Ar-Rasyid Hj. Tuskan terj. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Hussayn Syahatah (1988). *Tanzim wa Muhasabat al-Zakat fi al-Tatbiq al-Mu'asir*. Kaherah: al-Zahra' li al-'Ilam 'Arabi.
- Ibn al-'Arabi (t.t.). *'Aridah al-Ahwadhi Syarh Sahih al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hazm (t.t.). 'Ali bin Ahmad. *al-Muhalla*. Kaherah: Dar al-Turath.
- JAKIM. "Zakat Atas Gaji/Pendapatan." Diakses pada 7 Mac 2013, dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-atas-gaji-pendapatan-o>
- Lembaga Zakat Selangor (2006). *Panduan SKIM BERKAT*. Selangor: LZS.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Dawud, Muhammad 'Abd al-Maqsud (2004). *al-Ahkam al-Jilliyah fi Zakat al-Amwal al-'Asriyyah*. Iskandariah: Dar al-Jami'ah al-Jadidah.
- Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman (2016). Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid Al-Syari'ah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10(2016), 129-140.
- Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir & Luqman Abdullah (2015). Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9(2015), 75-91.
- Muhsin Paizin & Suhaili Sarif (2016). Kemudahan Pembayaran Zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10(2016), 66-76.
- Mujaini Tarimin (2012). *Zakat Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.
- Suryani Masnan (2012). *Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor*. Disertasi Sarjana Syariah yang tidak diterbitkan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor, Jil. 5, No. 10, Sel. P.U. 13